

**Keusahawanan Menurut Perspektif Al-Quran**  
Mohd Nasir Bin Ripin & Nurul Huda Binti Mansur  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini dijalankan untuk mengkaji Keusahawanan Menurut Perspektif Al-Quran. Aspek-aspek yang dikaji meliputi konsep, etika dan bidang keusahawanan. Kajian ini adalah berbentuk kajian perpustakaan. Hasil daripada kajian, penyelidik mendapati bahawa keusahawanan merupakan salah satu bidang yang dapat menjana ekonomi umat Islam. Di samping itu, dapat memberikan garis panduan yang betul kepada umat Islam dalam menjalankan aktiviti keusahawan. Bidang ini juga memberikan pendedahan tentang bidang-bidang yang terdapat dalam keusahawanan Islam seperti pertanian, penternakan, perlombongan, perikanan dan perusahaan. Di akhir kajian, penyelidik mengemukakan cadangan kepada pihak tertentu untuk menjadikan kajian ini lebih berguna untuk menarik minat masyarakat mengetahui tentang keusahawanan Islam.

*Katakunci :* keusahawanan, perspektif Al-Quran

### Pengenalan

Islam adalah agama syumul yang merangkumi segala aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi. Islam juga merupakan agama fitrah yang telah diiktiraf oleh Allah. Firman Allah:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ  
 الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْصَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ  
 غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: “Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka, sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”.

(Al-Maidah, 5: 3)

Kesempurnaan Islam bukan setakat merangkumi hal-hal keduniaan malah meliputi tatacara penghidupan yang baik sebagaimana yang telah digariskan oleh Allah sejak azali lagi. Al-Quran dan al-Sunnah merupakan sumber rujukan utama dan merupakan panduan terbaik dalam mendidik manusia menjalanai kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Selain itu, Allah telah memberikan kelebihan kepada manusia iaitu setiap manusia mempunyai akal fikiran untuk digunakan sebaik mungkin bagi mencapai tujuan hidup ke arah pengabdian kepada khaliqnya. Allah berfirman:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾ مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا أُرِيدُ أَنْ يُطْعَمُوا ﴿٥٧﴾ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian daripada mereka dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepadaKu. Sesungguhnya Allah sahaja yang memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya dan Dialah sahaja) yang mempunyai kekuasaan yang tidak terhingga, lagi yang Maha kuat kukuh kekuasaanNya”.

(Az-Dzariyaat, 51: 56-58)

Islam juga telah menganjurkan umatnya agar tidak meletakkan kehidupan duniawi semata-mata. Segala perlakuan manusia semasa di dunia ini akan dihitung dan dipersoalkan secara satu-persatu di akhirat kelak walaupun sebesar zarah sekalipun. Bagaimanapun, Islam tidak menggalakkan umatnya untuk meninggalkan terus kehidupan dunia bagi mengejar kehidupan akhirat. Allah sukakan manusia yang seimbang kedua-duanya dari segi rohani dan jasmani. Allah telah mengurniakan sebahagian nikmat untuk kehidupan manusia di dunia ini.

Dunia Barat sering menggambarkan negara-negara Islam sebagai lembah kematian mahupun kemunduran daripada pelbagai aspek khususnya dalam bidang ekonomi. Negara-negara Islam yang kaya dengan pelbagai sumber alam baik dari segi galian dan tanaman seperti biji timah, emas, petroleum, getah, kelapa sawit dan sebagainya tetapi mereka tidak berusaha untuk mengeksploitasi seperti negara Barat.

### **Pernyataan Masalah**

Pandangan masyarakat awam khususnya masyarakat Melayu sendiri dibolehkan untuk menjalankan perniagaan yang tidak kira apa sahaja yang dianggap perniagaan asalkan menjanjikan pulangan yang lumayan kepada mereka tanpa mengira halal dan haram di sisi syarak. Perbuatan ini dilakukan kerana kurangnya pendedahan dan didikan agama berkaitan dengan ilmu ini. Selain itu, sesetengah orang hanya mengharapkan ihsan daripada orang lain. Baginya, kehidupan di muka bumi ini hanyalah sementara sahaja dan cukuplah setakat apa yang ada walaupun mempunyai kesihatan yang baik.

Oleh yang demikian, apakah konsep sebenar keusahawanan menurut perspektif al-Quran?

### **Objektif Kajian**

Suatu kajian tentang keusahawanan ini adalah penting dan perlu diberi perhatian oleh setiap lapisan masyarakat terutamanya kepada orang Islam. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan oleh penyelidik berdasarkan kepada objektif yang telah dirangka seperti berikut:

1. Mengupas konsep keusahawanan menurut perspektif al-Quran
2. Mengenalpasti etika keusahawanan menurut perspektif al-Quran
3. Mengenalpasti bidang keusahawanan menurut perspektif al-Quran

### **Kepentingan Kajian**

Kajian mengenai keusahawanan ini adalah amat berguna untuk rujukan ilmiah. Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan kepada beberapa kepentingan tertentu iaitu memberi garis

panduan yang betul dan sah di sisi syarak tentang amalan keusahawanan yang beretika bagi mereka yang akan bergelar usahawan atau sedang bergiat cergas dalam bidang tersebut.

Selain itu, memberi panduan kepada para pelajar UTM dalam usaha mempertingkatkan kemahiran keusahawanan yang merupakan salah satu daripada tujuh kemahiran generik yang telah diperkenalkan oleh pihak universiti.

Ia juga dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada para pelajar Fakulti Pendidikan yang diwajibkan untuk mengambil mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan sebagai mata pelajaran teras di peringkat universiti.

Di samping itu, dapat dijadikan bahan rujukan dan bacaan kepada guru-guru sekolah dalam memberikan nasihat dan kaunseling kerjaya kepada pelajar-pelajar yang bercita-cita untuk menjadi usahawan.

## **Keputusan**

### **Definisi Keusahawanan Menurut Perspektif Al-Quran**

Menurut Mustafa Hj Daud (1995: 1) pelbagai definisi telah diberi oleh ulama Islam berkaitan dengan keusahawanan, perniagaan atau jual beli. Antara mereka yang memberikan pendapat berkaitan definisi tersebut adalah seperti berikut. Menurut Al-Qurtubi di dalam kitabnya *Al-Jami' Li al Ahkam* menjelaskan bahawa perniagaan atau jual beli itu adalah kegiatan jual beli antara dua pihak iaitu penjual dengan pembeli.

Di samping itu, Ibnu Khaldun pula, mendefinisikan perniagaan atau jual beli sebagai satu cara perluasan modal di dalam kitabnya *Al-Muqaddimah*. Al-Syaibani di dalam kitabnya *Al-Iqna pula* mendefinisikan perniagaan sebagai pertukaran wang dengan barang atau barang dengan barang untuk mendapatkan keuntungan.

### **Kelebihan Menjadi Usahawan**

Usahawan merupakan penggerak utama dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara. Tanpanya, negara kita akan mengalami kemunduran bukan sahaja dari segi ekonomi malah rakyatnya akan hidup dalam serba kekurangan walaupun kaya dengan sumber khazanah dan alam. Menurut Suhaimi Mansor (1991: 7) kelebihan menjadi seorang usahawan adalah seperti berikut:

- 1. Mendapatkan Kepuasan Diri**
- 2. Mewujudkan Pekerjaan**
- 3. Penurunan Kuasa Syarikat**

### **Ciri-ciri Usahawan yang Berjaya**

Di dalam al-Quran terdapat dua istilah yang dikemukakan oleh Allah yang kebanyakannya dimaksudkan oleh ahli tafsir ialah kejayaan. Istilah pertama disebut dengan perkataan *falaha, aflaha*. Terdapat hampir 40 kali Allah menyebut perkataan yang berasal daripada kata kerja tersebut dalam pelbagai bentuk dan firman. Sementara istilah kedua pula, sebahagian daripada ahli-ahli tafsir memaksudkannya dengan kejayaan ialah perkataan yang berasal daripada kata kerja *faza, fawzan*. Terdapat lebih kurang 29 kali perkataan tersebut dikemukakan oleh Allah di dalam al-Quran (Hamad Hj. Ghazali 1992: 24).

Menurut Mohd. Salleh Din *et al.* (2005: 29), menyebut bahawa berdasarkan ayatayat al-Quran, hadis dan sirah nabi terdapat banyak ciri-ciri orang berjaya dalam kehidupan terutamanya usahawan Islam. Ciri-ciri tersebut ialah:

- 1. Mempunyai Keinginan dan Kesungguhan yang Tinggi untuk Berjaya**

2. **Mempunyai Niat yang Betul**
3. **Mempunyai Ilmu dan Kemahiran yang mencukupi di dalam Bidang yang Diceburi**
4. **Mempunyai Kemahiran Membuat Keputusan**
5. **Mempunyai Kemahiran Berkomunikasi**
6. **Sentiasa Menilai Tindakan dan Berwaspada**
7. **Bersyukur dengan Kejayaan**
8. **Sentiasa Menjaga Kualiti**

Selain itu, menurut Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya dalam buku Hamad Hj. Ghazali (1992: 24) telah mengutarakan lima formula yang disifatkan kejayaan dalam hidup:

1. **Rezeki yang Halal**
2. *Qanaah*
3. *Taufik*
4. *Sa'adah* (Bahagia)
5. *Jannah* (Syurga)

Menurut Khaairuddin Khalil (1996: 30) mengatakan bahawa terdapat beberapa ciri usahawan yang cemerlang dan berdaya maju. Antara budaya yang perlu dimiliki oleh seseorang usahawan adalah seperti berikut:

1. **Rajin dan Mempunyai Daya Inisiatif**
2. **Yakin terhadap Keupayaan Diri**
3. **Bersikap Positif**
4. **Bijak Mengenalpasti dan Mengambil Peluang**
5. **Cekal**
6. **Bijak Mengambil Risiko**

Selain itu, menurut Zafir Mohd Makhsbul (2005: 7), menukilkan bahawa seorang individu yang berjaya dalam bidang keusahawanan perlu mempunyai ciri-ciri tertentu. Ciri-ciri ini bukanlah sesuatu yang diwarisi sejak seseorang itu dilahirkan tetapi ia dapat dipelajari dan dibangunkan. ciri-ciri tersebut ialah:

1. **Berdikari**
2. **Yakin Diri**
3. **Berwawasan**
4. **Kreatif dan Inovatif**

### **Etika Keusahawanan Menurut Perspektif Al-Quran**

Etika keusahawanan menurut perspektif al-Quran meliputi prinsip-prinsip yang berlandaskan syarak yang mana ia boleh dijadikan panduan kepada usahawan Muslim dalam menjalankan aktiviti keusahawanan. Etika-etika tersebut:

1. **Kebebasan**
2. **Kerelaan**
3. **Keadilan**
  - i. **Menunaikan Janji**
  - ii. **Menimbang dan Mengukur dengan Jitu**
4. **Perlindungan**
  - i. **Mencatat Perjanjian**

- ii. Saksi
- iii. Prinsip Tanggungjawab Individu

## 5. Kesopanan

Selain itu, menurut Abdullah A.Hanafy *et al.* (2005: 8) telah mengelaskan beberapa prinsip etika Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip-prinsip itu ialah:

1. Kebenaran
2. Amanah
3. Keikhlasan
4. Persaudaraan
5. Ilmu Pengetahuan
6. Keadilan

Di samping itu, menurut Naqvi (1981) dalam buku Muhammad Nasri Md. Hussain (2006: 59), mengatakan bahawa persoalan akhlak yang bersifat falsafah telah mendorong beliau untuk meletakkan empat prinsip asas yang boleh menerangkan prinsip-prinsip etika dari pandangan falsafah Islam. Prinsip-prinsip yang dijadikan landasan akhlak menurut beliau adalah seperti berikut:

1. Kesatuan (*Unity*)
2. Kesaksamaan (*Equilibrium*)
3. Kebebasan (*Free Will*)
4. Tanggungjawab (*Responsibility*)
5. Ihsan (*Benevolence*)

## Bidang Keusahawanan Menurut Perspektif Al-Quran

Bidang keusahawanan yang telah dijelaskan al-Quran merangkumi bidang pertanian, penternakan, perlombongan, perikanan dan perusahaan.

### Pertanian

Bidang pertanian adalah bidang mata pencarian yang tertua di kalangan masyarakat manusia. Ibnu Abbas meriwayatkan bahawa Nabi Adam adalah seorang petani, begitu juga anak-anaknya (Akmal Hj. Mhd. Zain, 2006: 69) Pertanian merupakan ilmu yang berguna dalam kehidupan manusia kerana dengan pengetahuan itulah manusia dapat mengambil manfaat daripada pelbagai jenis tumbuhan (H Hamzah Ya'qub, 1979: 31). Terdapat kira-kira 200 ayat al-Quran yang memperkatakan tentang pertanian.

Pertanian mempunyai kepentingan yang unggul di mana, tanpa pertanian tiada apa-apa yang wujud untuk dimakan (Muhammad Zakariyya al Kandahlawi, 1994: 91). Segala apa yang telah diciptakan di langit dan di bumi adalah semata-mata untuk manusia.

Kesedaran untuk memperhebat sektor pertanian ini akan menjadi lebih meningkat dengan adanya kesedaran dan kefahaman bahawa Allah melarang umatnya daripada melakukan pembaziran terhadap sumber alam seperti tanah, binatang, pokok dan air (Abdullah Fahim bin Hj. Abd. Rahman *et al.*, 1993: 14).

### Penternakan

Penternakan merupakan istilah yang berasal daripada ternakan yang bererti binatang yang dipelihara untuk dibiakkan dengan tujuan perdagangan. Oleh itu, penternakan adalah usaha pemeliharaan dan pembiakan binatang (Yahaya Jusoh *et al.*, 2005: 60).

Binatang ternak adalah anugerah Allah kepada manusia. Haiwan-haiwan itu sendiri adalah merupakan bukti kekuasaan Allah yang dapat dijadikan pengajaran bagi kaum yang berfikir terutamanya apabila diperhatikan adanya pelbagai jenis keajaiban dalam ciptaanNya (H. Hamzah Ya'qub, 1979: 41).

Binatang ternakan mempunyai banyak faedah dan faedah-faedah kepada manusia, bukan sahaja untuk keperluan hidup bahkan untuk manusia itu berfikir tentang kekuasaan Allah (Abdullah Fahim bin Hj. Abd. Rahman *et al.*, 1993: 88).

### **Perlombongan**

Perlombongan adalah aktiviti yang berkaitan dengan urusan penggalian untuk mengeluarkan hasil galian dari perut bumi (Yahaya Jusoh *et al.*, 2005: 65). Firman Allah:

وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ

Maksudnya: “Kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandungi kekuatan yang handal serta pelbagai faedah lagi bagi manusia”.

(Al-Hadid, 57: 25)

Dalam ayat ini, perkataan *anzala* bukan sahaja bermakna menghantar sesuatu dari atas ke bawah, tetapi bererti menanam dan membesarkan sesuatu atau menggali sesuatu daripada bumi dan membesarkan sesuatu dengan menggunakan usaha yang kuat.

### **Perikanan**

Perikanan merangkumi usaha-usaha menangkap dan memelihara ikan sama ada di laut atau di darat dan ia merupakan sumber makanan utama kepada manusia (Abdullah Fahim bin Hj. Abd. Rahman *et al.*, 1993: 135).

Sumber perikanan adalah dari alam yang telah diciptakan oleh Allah. Ikan merupakan sumber protein yang bermutu tinggi kepada manusia.

### **Perusahaan**

Menurut Abu Bakar bin Mas'ud mengatakan bahawa perusahaan pada zaman sekarang disebut sebagai industri. Pertumbuhan dan pembangunan industri memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi kekayaan ekonomi sesebuah negara. Pada mulanya, segala jenis perusahaan tidak dikenali secara meluas. Namun, industry ini mula berkembang setelah Islam datang ke negara Arab (H. Zainal Abidin, 1979:43). Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyeru manusia untuk bekerja dan berusaha.

Terdapat pelbagai jenis perusahaan yang boleh dijalankan di muka bumi ini. Antaranya perusahaan besi dan keluli, senibina dan binaan dan perhiasan.

- 1. Perusahaan Besi dan Keluli**
- 2. Perusahaan Senibina dan Binaan**
- 3. Perusahaan Perhiasan**

### **Bidang Keusahawanan yang Dilarang**

Bidang ini merupakan semua jenis transaksi yang melibatkan unsur-unsur *riba*, *ihtikar* (sorok barang), *gharar* (penipuan) dan perjudian.

## Perbincangan

Al-Quran secara terang telah mengajak manusia untuk mencari pekerjaan di muka bumi ini khususnya menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan yang dianggap sebagai pekerjaan yang paling mulia dan merupakan warisan nabi terdahulu termasuklah Nabi Muhammad SAW. Selain itu, kedudukan dan keperluan perniagaan amat penting dalam kehidupan manusia. Lebih-lebih lagi jika ditinjau dari sudut al-Quran dan al-sunnah yang meletakkannya di satu tahap yang paling tinggi sehingga menyamai ibadat solat dan haji yang membawa keuntungan bukan sahaja di dunia malah di akhirat asalkan berlunaskan Islam.

Apabila manusia melibatkan diri dalam keusahawanan di atas muka bumi ini maka, harapan mereka supaya terselamat daripada kepapaan dan kemiskinan adalah sangat besar (Abdullah bin Yassin, 1999: 73). Hal ini bertepatan dengan kajian yang dibuat oleh Faridah Mohd. Ariff (2002), menyatakan bahawa perniagaan mendatangkan pendapatan yang lumayan. Selain itu, ia juga selari dengan kajian yang dilakukan oleh Rahinah Saidin (1997) menyatakan bahawa mereka akan hidup senang dengan berniaga.

Etika Islam dikenali sebagai akhlak. Ia adalah ilmu yang berkaitan dengan kebaikan dan keburukan. Dalam Islam, akhlak akan lahir daripada keimanan. Orang yang mempunyai keimanan yang tinggi akan terserlah melalui akhlaknya yang mulia (Muhammad Nasri Md. Hussaian *et al.*, 2006: 51).

Menurut Sulaiman bin Ibrahim (1999: 206) mengatakan keberkatan di dalam perniagaan boleh tercapai jika peniaga Muslim melaksanakan adab-adab jual beli dan perniagaan yang dianjurkan oleh Islam.

Al-Quran menganjurkan umatnya agar menceburi pelbagai jenis bidang keusahawanan yang terdapat di negara ini. Pelbagai bentuk aktiviti keusahawanan yang boleh dilakukan oleh manusia. Antaranya ialah pertanian, penternakan, perlombongan, perikanan dan perusahaan.

Menurut Muhammad Rasyid Rida dalam buku yang dinukilkan oleh Yahaya Jusoh *et al.* (2005: 58) menjelaskan keperluan makanan yang cukup dapat disediakan dengan usaha pertanian seperti yang digambarkan oleh al-Quran yang menunjukkan doa Nabi Ibrahim dikabulkan oleh Allah iaitu tanah Mekah menjadi negeri yang aman dan memberikan rezeki buah-buahan. Ini menunjukkan pentingnya berdoa dalam usaha mencukupkan keperluan makanan di kalangan masyarakat.

Kenyataan ini disokong oleh pandangan sarjana Islam. Menurut Syaibani dalam bukunya *al Iktisab* mengemukakan bahawa pertanian adalah sektor pertama dan yang terpenting serta paling produktif daripada segala usaha (ekonomi) manusia. Kebanyakan para Syeikh dan guru besar berpendapat bahawa usaha pertanian lebih mulia dan lebih penting daripada perdagangan kerana pertanian bersifat produktif dan lebih umum faedahnya. Pendapatnya ini disokong oleh Imam Sarakhsi di dalam bukunya yang bertajuk *al Mabsuth* (H. Zainal Abidin Ahmad, 1979:35).

Menurut Abu Nasyar Ahmad el Huseini mengatakan bahawa sejak dahulu lagi, tanah tetap menjadi tiang utama bagi pembangunan ekonomi yang merupakan faktor produksi yang terpenting. Tanah merupakan ibu segala kekayaan. Segala sesuatu yang diperlukan dan berfaedah untuk hidup adalah berasal daripadanya (*Ibid.*: 40).

Islam membenarkan semua bentuk perniagaan selagi ia tidak mengandungi unsure *riba* dan *gharar*. Menurut Othman Alhabshi (1989: 93), *riba* adalah satu perkara yang amat keji oleh Islam. Al-Quran menyifatkan *riba* sebagai satu dosa yang amat besar sama ada bagi orang yang membayar mahupun yang menerimanya. Inilah satu-satunya dosa yang berat sehingga Allah dan rasulNya akan memerangi mereka.

Manakala, menurut Abu Zahrah yang dikarang oleh Mustafa Haji Daud (1995:69) mengatakan bahawa ulama fikah Islam membuat kesimpulan berkaitan dengan pengharaman *riba* kerana perniagaan dengan *riba* sama-sama mencari untung. Golongan Musyrikin menyamakan *riba* dengan perniagaan. Selain itu, ia merupakan salah satu daripada rukun asas ekonomi kerana larangan *riba* dikaitkan dengan perintah pembayaran zakat oleh Islam.

Di samping itu, menurut Afzal-ur-Rahman dalam buku Mustafa Haji Daud (1995:71) telah mengemukakan bahayanya *riba*. Antara perkara yang ditekankan ialah *riba* yang tinggi akan memusnahkn daya tarikan pelaburan, mengurangkan peluang pekerjaan, mengurangkan pendapatan dan lemahnya kuasa membeli seterusnya kurang permintaan sama ada barang keperluan, pertanian atau industri yang akhirnya akan membantutkan pertumbuhan ekonomi negara.

Menurut pandangan ulama, *gharar* adalah salah satu cabang daripada judi (Zaharudin Abd Rahman, 2008: 57). Selain itu, menurut Syed Othman Alhabshi (1989:94), terdapat bentuk-bentuk penipuan yang dijelaskan di dalam al-Quran iaitu mengurangkan timbangan, tidak jujur serta memungkirkan janji. Kenyataan ini disokong oleh sunnah. Rasulullah SAW bersabda:

*Dari Abu Hurairah dia berkata: "Rasulullah s.a.w pernah berjalan dan bertemu dengan seorang penjual makanan, kemudian baginda memasukkan tangannya ke dalam makanan itu.*

*Ternyata baginda menemukan adanya penipuan."*

(Syaiikh Adnan Ath Tharsyah, 2004: 168)

## **Rujukan**

- Al-Salleh Subhi (Dr.) (1983). *Sistem Ekonomi Dan Kewangan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.
- Asy-Sharkoni Mukhlas (Ustaz) (1999). *Apa Kata Islam Tentang Wanita, Harta Dan Takhta*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Barjoyai Bardai (2000). *Keusahawanan Dan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farahwahida Mohd Yusof (2005). *Keberkesanan Pelaksanaan Fatwa Dalam Menangani Aliran-Aliran Kepercayaan Di Malaysia: Kajian Kes Terhadap Al-Arqam Dan Ahmadiyah Qadiani*. Universiti Malaya: Ijazah Doktor Falsafah.
- Faridah Mohd. Ariff (2002). *Kajian kecenderungan mahasiswa Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (SHT) terhadap bidang keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- H. Hamzah Ya'qub (Dr.) (1984). *Kod Etika Dagang Menurut Islam*. Bandung: c.v. Diponegoro.
- H. Zainal Abidin (1979). *Dasar-dasar Ekonomi Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Joni Tamkin bin Borhan (2005). *Wanita Dan Perniagaan Menurut Perspektif Islam*. Proceedings The Future And Challenges In Shaping The Ummah (SEWANI 2005) Seminar Keusahawanan Islam Peringkat kebangsaan (2005).
- Khaairuddin Khalil (1996). *Keusahawanan Sebagai Kerjaya*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Ali Hasan (2003). *Berbagai Transaksi Dalam Islam (Fiqh Muamalat)*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Mahsin Haji Mansor (Haji) (1984). *Undang-Undang Perdagangan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Alharamain (M) Sdn. Bhd.
- Noresah bt. Baharom (Hajah) *et al.* (2007). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Osman Sobran (2001). *Urusniaga Al-Qardu Al-Hasan*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Othman Alhabshi (Syed) (1989). *Islam, Ekonomi Dan Pengurusan*. Shah Alam: HIZBI.
- Rahinah Saidin (1997). *Sikap pelajar-pelajar STP di UTM terhadap bidang keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Rahmah Ismail *et al.* (2006). *Daya Saing Usahawan dan Syarikat Melayu dalam Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sobri Hashim (1999). *Amalan asas keusahawanan di kalangan peniaga-peniaga kecil bumiputera di Daerah Kulim, Kedah: satu tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Yep Putih (1988). *Keusahawanan*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zafir Mohd Makhbul & Fazilah Mohamed Hasun (2005). *Menjadi Usahawan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaharuddin Abd Rahman (2008). *Wang, Anda dan Islam*. Kuala Lumpur: Truewealth Publishing.